

TARIKH: 16/5/2023
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 15

695 jadi pekak kerja di tempat bising

IPOH - Sebanyak 695 atau 96 peratus kes hilang pendengaran akibat terdedah bunyi bising di tempat kerja dicatatkan di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri, Dr. Rabaayah Daud berkata, jumlah itu menjadikan masalah tersebut sebagai penyakit pekerjaan paling tinggi di Perak.

Katanya, kebanyakan pekerja yang menghadapi masalah itu merupakan mereka yang terlibat dalam sektor pembuaian dan pengilangan.

"Sepanjang 2022, kita merekodkan sebanyak 722 kes berkaitan penyakit dan keracunan pekerjaan di mana masalah hilang pendengaran merupakan kes terbanyak dilaporkan iaitu 695 kes atau 96 peratus.

"Bagi tahun ini sehingga April, sebanyak 346 kes pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan telah diterima dengan 250 daripadanya memabitkan masalah hilang pendengaran," katanya kepada pemberita pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri JKKP Perak di Bangunan Seri Kinta di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, masalah disebabkan bunyi bising ini tidak pernah

berkurangan ekoran kebanyakan kilang masih menggunakan mesin lama yang menghasilkan bunyi yang keterlaluan.

Sehubungan itu katanya, bagi mengurangkan risiko kes berkenaan, pihaknya berusaha memperbanyakkan program kesedaran kepada industri.

"Menerusi program itu, majikan diberi penekanan untuk menjaga kebajikan pekerja agar tidak terlalu terdedah dengan bunyi-bunyi bising," katanya.

Sementara itu beliau berkata, sebanyak 883 kes memabitkan kecederaan pekerjaan terhadap pekerja dilaporkan di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Daripada jumlah itu katanya, sebanyak 20 kes mengakibatkan maut, manakala 33 kes pula melibatkan hilang upaya kekal (HUK) dan tidak hilang upaya kekal (THUK) dengan 830 kes.

"Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, sebanyak 288 kes kecederaan pekerjaan dilaporkan ke JKKP Perak di mana empat daripadanya adalah kes maut, lima kes HUK dan 279 kes THUK," katanya.

Tambah beliau, JKKP Perak juga telah mengeluarkan sebanyak 2,431 surat arahan dan 864 notis sepanjang tahun lalu di mana 77 kesalahan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 tersebut.

sejak Mac lalu dengan dibayar RM500 bagi setiap satu perjalan. Tegasnya, hasil semakan juga mendapati suspek seorang penganggur dan mempunyai dua tar Johor Bharu, Johor," katanya

Kelantan dan dipasarkan di sekitar. "Suspek mengambil rokok rokok tersebut di Kota Bharu, bernilai RM337,500 tidak bercukai yang dianggarkan